

**TAKAU RAKIT**  
Black-and-Red Broadbill

FAMILI: Eurylaimidae  
NAMA SAINTIFIK: *Cymbirhynchus macrorhynchos*



#### **CIRI-CIRI**

Bagi burung dewasa, bahagian atas badan, pipi dan dagu berwarna hitam, tongkeng, bahagian atas ekor dan bahagian bawah badan berwarna merah gelap dengan terdapat jalur-jalur hitam merentasi bahagian dada. Diperhatikan warna paruh adalah biru kehi-jauan manakala warna mandible bawah adalah kekuningan. Semasa ia terbang, ia menunjukkan jalur-jalur putih di bahagian sayapnya. Bagi burung juvenil, warna keseluruhan adalah coklat dengan terdapat sedikit warna merah pekat di bahagian tongkeng dan atas ekor, tekak dan bawah tongkeng.

#### **SAIZ**

Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah 21-24 sm.

#### **MAKANAN**

Spesies ini memakan serangga, buah-buahan dan kadang-kala memakan haiwan-haiwan kecil.

#### **HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai dikawasan hutan dipterokap, hutan sekunder dan pinggi-pinggir hutan berhampiran sungai, kawasan hutan air tawar, hutan paya bakau. Ia boleh dijumpai sehingga ketinggian 300 m dari aras laut.

#### **BUNYI**

Burung ini menghasilkan bunyi yang laju dan bunyinya seakan-akan bunyi riang-riang (cicada spp.)

#### **PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi burung ini adalah dari bulan Februari-September pada sepanjang tahun. Sarang adalah berbentuk bujur dengan terdapat laluan masuk di bahagian tepi dan tergantung dari dahan pokok dan ketinggian sarang adalah dari 1.5-8 m dari aras tanah. Burung betina menghasilkan 2-4 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan warna telur merah jambu pudar dan krim dengan terdapat tompok-tompok coklat kemerahan pudar. Anggaran saiz bagi telur adalah 25-27.3x18.2-20.7 mm.

#### **STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.